

# Rakyat selatan Thailand hargai peranan Anwar

Kepemimpinan Perdana Menteri damai ketegangan antara dua negara wajar dicontohi

news@nst.com.my

**Kota Bharu:** Rakyat di selatan Thailand menyatakan sokongan dan penghargaan yang tinggi terhadap peranan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim dalam mempromosikan keamanan dan kestabilan di rantau ini.

Timbalan Pengerusi Lembaga Pentadbiran Lima Wilayah Selatan Thailand, Abdul Aziz Che Mamat, berkata kejayaan Anwar mewakili Malaysia sebagai pengerusi ASEAN dan menjadi orang tengah dalam perdamaian antara Thailand dan Kemboja disambut baik oleh rakyat Thailand.

Beliau berkata kepimpinan Anwar dalam mendamaikan ketegangan, yang membawa kepada gencatan senjata serta-mer-

ta dan tanpa syarat antara kedua-dua negara, adalah satu usaha yang wajar dicontohi.

"Rakyat Thailand, khususnya umat Islam di wilayah selatan, amat mengalu-alukan inisiatif keamanan ini oleh Perdana Menteri Malaysia.

"Kami berdoa agar Allah SWT membalas usaha murni Anwar ini.

"Kami juga berharap Malaysia di bawah kepimpinan beliau akan terus memainkan peranan sebagai pemudah cara dalam proses damai selatan Thailand agar ia turut membuah hasil yang positif," kata Abdul Aziz yang juga Timbalan Presiden Majlis Agama Islam Narathiwat.

## Masyarakat rasa bertuah

Beliau berkata masyarakat Islam di selatan Thailand berasa bertuah kerana mempunyai negara jiran seperti Malaysia yang mempunyai persamaan dari segi agama dan budaya.

Pada 28 Julai lalu, Malaysia sebagai pengerusi ASEAN menganjurkan satu mesyuarat khas membabitkan Perdana Menteri Kemboja, Hun Manet dan Pemangku Perdana Menteri Thailand, Phumtham Wechayacha di Kuala Lumpur.

Selepas mesyuarat itu, Anwar mengumumkan kedua-dua nega-

ra bersetuju untuk melaksanakan gencatan senjata serta-merta dan tanpa syarat.

Selasa ini, pimpinan kedua-dua negara akan berkunjung ke Kuala Lumpur bagi meneruskan rundingan damai selepas Thailand meminta Malaysia menjadi lokasi bagi rundingan itu.

## ATM permudah Mesyuarat GBC Thailand-Kemboja

**Kuala Lumpur:** Angkatan Tentera Malaysia (ATM) akan memudah cara Mesyuarat Jawatankuasa Am Sempadan (GBC) antara Thailand dengan Kemboja di Kuala Lumpur, bermula esok hingga 7 Ogos ini.

Markas Angkatan Tentera Malaysia Bahagian Risikan dan Komunikasi Strategik Pertahanan dalam kenyataan memaklumkan mesyuarat GBC itu diadakan bertujuan menyelesaikan pertikaian sempadan antara dua negara, sebagai sebahagian daripada perjanjian gencatan senjata yang dimeterai di Malaysia pada 28 Julai lalu.

"Malaysia ialah lokasi berkecuali yang dipersetujui secara bersama oleh Thailand dan Kemboja untuk Mesyuarat



Abdul Aziz ketika ditemui wartawan Malaysia di Narathiwat semalam.

(Foto Sharifah Mahsinah Abdullah/BH)

GBC kali ini. Terma Rujukan (ToR) penempatan Atase Pertahanan sebagai pasukan interim serta penempatan Kumpulan Pemantau ASEAN akan menjadi sebahagian daripada agenda GBC," menurut kenyataan itu, semalam.

Gencatan senjata yang berkuat kuasa pada tengah malam, 28 Julai, dicapai menerusi mesyuarat khas di Malaysia, yang membawa kedua-dua negara jiran Asia Tenggara itu ke meja rundingan di tengah-tengah ketegangan yang semakin memuncak.

Mesyuarat itu yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim di Kompleks Seri Perdana, Putrajaya, menyak-

sikan Perdana Menteri Kemboja, Hun Manet dan Pemangku Perdana Menteri Thailand, Phumtham Wechayachai bersama-sama bersetuju terhadap perjanjian gencatan senjata selepas beberapa minggu ketegangan meningkat.

Sempadan sepanjang 817 kilometer yang belum ditandai secara rasmi itu telah lama menjadi isu sensitif antara kedua-dua negara, yang beberapa kali mencetuskan ketegangan dan menjejaskan hubungan diplomatik.

Ketegangan memuncak pada 28 Mei apabila berlaku pertempuran di kawasan sengketa Preah Vihear, menyebabkan seorang tentera Kemboja terkorban. BERNAMA